



Kenyataan media

Kakitangan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dikesan positif COVID-19.

CYBERJAYA ,11 JANUARI 2021: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) hari ini dimaklumkan bahawa salah seorang petugas telah didapati positif virus COVID-19. Menurut rekod, petugas berkenaan kali terakhir hadir ke ibu pejabat MDEC pada Jumaat, 8 Januari 2021 yang lalu.

Kakitangan berkenaan kini sedang menjalani kuarantin di rumah sementara menunggu arahan lanjut daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan itu, Bahagian Modal Insan MDEC juga telah berkomunikasi dengan Pejabat Kesihatan Daerah Sepang untuk memaklumkan perkembangan ini.

Bagi tujuan keselamatan, MDEC telah melaksanakan kerja pembersihan membabitkan kawasan yang dikunjungi kakitangan berkenaan. Mengambil kira perkembangan semasa wabak jangkitan COVID-19 serta sebagai langkah keselamatan, ibu pejabat MDEC di Cyberjaya akan ditutup esok untuk membolehkan kerja-kerja nyah kuman dilakukan di seluruh premis.

Pada masa sama, MDEC telah mengaktifkan perancangan kesinambungan perniagaan dan terus beroperasi dengan gangguan minimum. Majoriti petugas kini terlibat dengan polisi bekerja dari rumah dan hanya kakitangan sokongan utama yang dibenarkan berada di ibu pejabat namun tertakluk kepada keperluan. Keselamatan pekerja dan syarikat sentiasa menjadi keutamaan MDEC. Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi saluran media sosial kami.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan MDEC di 1-800-88-8338 atau emel ke clic@mdec.com.my.